

TEMA 1: Menjaga Kebersihan Fizikal dan Mental

A. Mengisi tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

memastikan	mewujudkan	individu	tong sampah	berkeliraran
perhatian	ditarik	pembuangan	menghijau	rumah

Setiap _____ hendaklah mengamalkan cara hidup yang bersih dan sihat. Kebersihan harus dijaga dengan membersihkan rumah, persekitaran rumah, longkang dan parit. Kita juga perlu _____ tiada tempat-tempat air bertakung, memelihara kebersihan tempat khas _____ sampah serta kekemasan letak kereta.

Kawasan persekitaran rumah yang perlu dijaga dengan baik sudah tentu _____ suasana persekitaran yang bersih, cantik dan harmoni. Apatah lagi jika dihiasi dengan landskap atau tanaman bunga-bunga yang cantik dan _____. Jangan biarkan nyamuk membiak di tempat-tempat yang menakung air seperti bekas-bekas tin, tempurung kelapa dan tayar terpakai.

Bagi menjamin kebersihan persekitaran pembuangan sampah khas hendaklah disediakan oleh setiap _____. Kebersihan tempat pembuangan sampah juga perlu diberi _____. Sampah-sampah perlu disimpan dalam plastik khas. Sampah-sampah tersebut kemudian diikat dan disimpan di dalam _____ dengan keadaan tertutup rapi dan kemas supaya tidak _____ keluar oleh binatang-binatang yang _____.

B. Padankan glosari dalam bahagian A dengan ayat-ayat di bahagian B. Tulis **HURUF** jawapan ke dalam petak yang disediakan.

BAHAGIAN A		BAHAGIAN B
1. Individu		A tidak boleh tidak
2. Persekitaran		B menjaga
3. Memastikan		C orang perseorangan
4. Memelihara		D mengadakan
5. Mewujudkan		E Membiasakan diri melakukan sesuatu
6. Mengamalkan		F Kawasan sekeliling

C. Tandakan (B) bagi ayat yang BETUL dan (S) bagi ayat yang salah.

- Setiap individu bertanggungjawab menjaga kebersihan tempat tinggal. ☐
- Pengotor adalah amalan syaitan. ☐
- Biarkan air bertakung supaya nyamuk banyak membiak. ☐
- Simpan sampah ke dalam plastik khas sebelum membuang ke dalam tong sampah. ☐
- Rajin membersihkan persekitaran boleh membantutkan fikiran. ☐